

Pelabur asing sedar Malaysia destinasi perniagaan selamat

UM 2 OCT 2002
KUALA LUMPUR 1 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yakin ekonomi negara tidak akan terjejas walaupun cuba dikaitkan dengan kegiatan pengganas kerana pelabur asing sedar Malaysia masih destinasi perniagaan yang selamat.

Perdana Menteri berkata, negara-negara yang mengenakan peraturan ketat terhadap kemasukan rakyat Malaysia seperti Amerika Syarikat (AS) dan Kanada sebenarnya adalah negara yang lebih berbahaya berbanding negara ini.

"Saya fikir orang perniagaan tahu Malaysia adalah tempat yang selamat bagi mereka, jauh lebih selamat sebenarnya daripada negara mereka sendiri.

"Serangan yang dilakukan ke atas negara mereka sama ada dengan mengebom bangunan sehingga tumbang ataupun menyebarkan (virus) antraks sebenarnya di sana, jadi di sana yang bahaya, di Malaysia tidak bahaya," kata beliau.

Dr. Mahathir berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan Konvensyen Antarabangsa Mengenai Bioteknologi 2002 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Mencemar

Beliau mengulas tindakan Kanada memperkenalkan keperluan visa dan langkah AS memperketatkan pemeriksaan bagi warganegara Malaysia yang dikhuatiri mencemarkan imej dan menjejaskan ekonomi negara.

Minggu lalu, Kanada memperkenalkan keperluan visa bagi rakyat Malaysia yang ingin melawat negara tersebut walaupun sama-sama berada dalam forum Komanwel yang memberikan kelonggaran visa di kalangan negara ahli.

Semalam, AS memaklumkan akan menjalankan pemeriksaan ketat termasuk pengambilan gambar dan cap jari bagi beberapa individu tertentu yang mahu memasuki negara tersebut, dipercayai ditujukan kepada umat Islam termasuk rakyat Malaysia.

Malaysia sebelum itu turut dituduh dijadikan tempat pertemuan oleh dua orang pengganas yang dikatakan mengebom menara kembar Pusat Dagangan Dunia di New York pada 11 September tahun lalu.

Awal minggu lepas, satu laporan media asing menyatakan Malaysia diklasifikasikan oleh AS sebagai antara 15 buah negara yang mempunyai risiko pengganas paling tinggi.